

(190)

لَا تَمْدَنْ يَدَكَ إِلَى الْأَخْذِ مِنَ الْخَلَقِ إِلَّا أَنْ تَرَى أَنَّ الْمُعْطِيَ فِيهِمْ مَوْلَاكَ ، فَإِذَا كُنْتَ
كَذَلِكَ فَخُذْ مَا وَافَقَ الْعِلْمُ .

Janganlah engkau menghulurkan tanganmu untuk mengambil sesuatu daripada para makhluk, melainkan setelah engkau melihat bahawa Si Pemberi melalui mereka (yakni pada hakikatnya) adalah Penaungmu juga (yakni Allāh Ta‘ālā).

Maka apabila engkau sudah pun berkeadaan yang sedemikian, terimalah apa yang bermuafakatan (yakni yang bersesuaian) dengan ilmu (yakni pengetahuan zahir mengikut syarak yang engkau miliki).